

EON

SHAH ALAM, 1 SEPT. (BERNAMA) - PENGAKAH URUSAN EDARAN OTOMOBIL NASIONAL (EON), DATUK ERIC CHIA HARI INI MENGGELARKAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD SEBAGAI +BAPA PROTON SAGA+.

KATANYA GELARAN ITU AMAT SESUAI MEMANDANGKAN PENGELUARAN KERETA NASIONAL ITU DIILHAMI SENDIRI OLEH DATUK SERI DR. MAHATHIR SEBAGAI SATU LANGKAH MENINGKATKAN INDUSTRI NEGARA KEPADA TAHAP YANG LEBIH SOFISTIKATED.

SEMASA BERUCAP PADA MAJLIS PELANCARAN JUALAN PROTON SAGA DAN PERASMIAN IBUPEJABAT EON OLEH PERDANA MENTERI DI SINI, DATUK CHIA YAKIN USAHA YANG TELAH DIJALANKAN OLEH KERAJAAN AKAN DISAMBUK DENGAN BAIK OLEH RAKYAT UNTUK FAEDAH MEREKA DAN NEGARA.

KATANYA EON AKAN MENYEDIAKAN TELEFON PENTING UNTUK ORANG RAMAI, KHASNYA PEMILIK KERETA NASIONAL, UNTUK MENGHUBUNGI PENGURUSAN EON BAGI MENYAMPAIKAN MASALAH ATAU CADANGAN.

PENGERUSI EON TAN SRI JAMIL JAN DALAM UCAPANNYA BERKATA EON AKAN TERUS MENYELIDIKI PASARAN UNTUK MENGETAHUI PILIHAN PENGGUNA-PENGGUNA SUPAYA SYARIKAT DAPAT MENYEDIAKAN JENI PROTON SAGA YANG DIINGINI OLEH ORANG RAMAI.

-- LAGI.

1800MST 01 09 85

EON 2 SHAH ALAM

PADA WAKTU YANG SAMA, KATANYA, EON AKAN MENGENALPASTI LOKASI-LOKASI BARU UNTUK BILIK-BILIK PAMERANNYA SEBAGAI MEMENUHI PERMINTAAN PASARAN SUPAYA PARA PELANGGAN TIDAK MENGHADAPI MASALAH UNTUK MEMBUAT TEMPAHAN MEREKA.

KATANYA SETAKAT INI, 20 CAWANGAN DAN 14 PUSAT SERVIS DAN ALATGANTI EON TELAH DIWUJUDKAN DI SELURUH NEGARA DAN AKAN DITAMBAH DARI SEMASA KE SEMASA.

TAN SRI JAMIL JUGA BERKATA EON TELAH MELANTIK BEBERAPA PUSAT DAN STESEN SERVIS BERIKTIRAF DI SELURUH NEGARA UNTUK MENYEDIAKAN RANGKAIAN PENYELENGGARAAN LENGKAP BAGI MEMENUHI KEPERLUAN SERVIS DAN ALATGANTI PEMILIK-PEMILIK PROTON SAGA.

BELIAU BERIKRAR EON AKAN BEKERJASAMA RAPAT DENGAN PERUSAHAAN OTOMOBIL NASIONAL (PROTON) UNTUK MEMASTIKAN BEKALAN DAPAT MEMENUHI PERMINTAAN BAGI PROTON SAGA. -- BERNAMA

1802MST 01 09 85